



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK



BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

EDISI 2024

UNIT HAL EHWAL PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (UHEP) 2024

HAK CIPTA TERPELIHARA EDISI 2024

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan dari kandungan, buku dan jurnal ini dalam apa-apa saja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada penulis atau pengarang atau dari Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP) Politeknik METrO Betong Sarawak.

RINGKASAN BERKAITAN DENGAN BUKU YANG DI HASILKAN

Buku Panduan dan Peraturan Am Politeknik METrO Betong Sarawak ini dibangunkan bagi membantu pihak pengurusan disiplin pelajar, pelajar dan pengurusan politeknik mengenai peraturan atau undang-undang yang akan digunakan sepanjang pelajar menuntut di Politeknik METrO Betong Sarawak. Buku ini mengabungkan maklumat daripada Undang-undang Malaysia Akta 174, Akta institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib 1976, Bahagian III, Seksyen 27 hingga 34 yang berkaitan).

Peraturan-peraturan ini termasuklah apa-apa panduan dan peraturan yang dibuat dari semasa ke semasa serta apa-apa kaedah atau peraturan lain yang bersifat am atau khusus yang dikeluarkan oleh Politeknik METrO Betong Sarawak. Buku panduan ini adalah terpakai kepada semua pelajar sepanjang tempoh pengajian di Politeknik METrO Betong Sarawak.

DITERBITKAN OLEH:
Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP)
Politeknik METrO Betong Sarawak
95700 Betong Sarawak.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

**Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia**

eISBN 978-967-2753-16-2

PRAKATA

BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) INI DISEDIAKAN SEBAGAI PANDUAN KEPADA SEMUA WARGA PMBS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT YANG PERLU DIKETAHUI DAN MEMBERI PERANAN SEBAGAI GARIS PANDUAN KEAPDA SEMUA PELAJAR AGAR MEMATUHI PERATURAN YANG DITETAPKAN SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN DI PMBS.

EDISI 2024

ALUAN PENGARAH



Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Buku panduan ini disediakan untuk membantu semua pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) mendapatkan maklumat dan garis panduan yang perlu diketahui sepanjang tempoh pengajian mereka mereka di Politeknik ini.

Buku ini juga adalah kelangsungan edisi terdahulu yang telah ditambah baik bagi pengurusan kebajikan dan disiplin pelajar merujuk kepada Undang-Undang Malaysia Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 yang sedang berkuatkuasa dan terpakai kepada semua pelajar Politeknik Malaysia.

Saya dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Unit Hal Ehwal Pelajar selaku penaung pembangunan Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak Edisi 2024 dan kepada semua pegawai yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan satu penulisan yang teratur dan teliti kerana ianya perlu sebagai satu bentuk penyampaian komunikasi berkesan dalam memberikan perkhidmatan kepada pelajar.

Sekian, terima kasih.

Ts. SHIRLEY ANAK PHILLIP
PENGARAH
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

ISI KANDUNGAN

LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU DAN SENIOR

1 - 2

BANTUAN KEWANGAN

3

KAD PELAJAR

4

RUPA DIRI PELAJAR

5 - 11

MENGHADIRI KULIAH/BENGKEL/MAKMAL

12

KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN

13

HARTA BENDA

14 - 15

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN/ BADAN/
PERTUBUHAN/ KUMPULAN DAN PARTI POLITIK

16

BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN, MABUK
DAN BERJUDI

17

MEMASUKI PUSAT HIBURAN DAN
MENGANGGU KENTENTERAMAN

18

PENCERAMAH LUAR

19


KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH
MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN/PEMBUANGAN
PELAJAR DARI POLITEKNIK

20 - 22

ISI KANDUNGAN

LARANGAN MEROKOK / ROKOK ELEKTRONIK / VAPE	23
HAL-HAL LAIN	24
PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR	25 - 33
ARAHAN AM PERPUSTAKAAN	34 - 37
AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174)	38 - 42
NOTIS DENDA TERUS	43 - 44
PERBICARAAN KEPADA PELAJAR	45- 46
RUJUKAN	47
SIDANG EDITORIAL	48
PENGHARGAAN	49

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




1 LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU DAN SENIOR

1.1 PELAJAR BAHARU

Syarat Pendaftaran Pelajar Baharu:

1. Pendaftaran pelajar baharu adalah berdasarkan Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu yang dikeluarkan oleh institusi.
2. Pelajar wajib menerima surat tawaran.
3. Pelajar wajib membayar yuran dan bayaran mengikut kadar dan tempoh yang ditetapkan oleh institusi.
4. Pelajar telah membuat pendaftaran pengajian secara dalam talian (online) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh institusi.
5. Pelajar melapor diri di kampus mengikut tarikh yang ditetapkan oleh institusi;
6. Semua pelajar baharu diwajibkan mengikuti Aktiviti Suai Kenal yang telah ditetapkan oleh institusi.
7. Semua pelajar diwajibkan mendaftar kursus di jabatan/unit akademik.
8. Menghadiri kuliah rasmi pada tarikh dan jadual yang ditetapkan oleh institusi.
9. Sekiranya terdapat percanggahan atau kesahihan maklumat dalam borang dan dokumen asal yang dikemukakan, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti berhak menarik balik tawaran atau memberhentikan pengajian pelajar pada bila-bila masa.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




1.2 PELAJAR LAMA / SENIOR

Syarat Pendaftaran Pelajar Lama/Senior:

1. Semua pelajar lama / senior **DIWAJIBKAN** melaksanakan proses Lapor Diri melalui Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP).
2. Semester yang mana pelajar lama / senior berstatus **TIDAK LAPOR DIRI** tetap diambil kira sebagai bilangan semester pengajian yang diikuti.
3. Status sebagai pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) akan tergugur secara automatik apabila tempoh pengajian melebihi jangka masa yang telah ditetapkan berdasarkan peraturan Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian yang sedang berkuatkuasa.
4. Mendapat keputusan Kedudukan Baik (KB) atau Kedudukan Bersyarat (KS) atau Mengulang Kursus (MK) atau Mengulang Penilaian (MP) pada semester sebelumnya.
5. Disahkan tamat menjalani Latihan Industri pada semester sebelumnya oleh Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) PMBS.
6. Tidak menjalani Latihan Industri pada sesi semasa.
7. Tidak Layak menjalani Latihan Industri pada sesi semasa.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



2 BANTUAN KEWANGAN

1. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya bagi urusan saraan hidup, pengangkutan, pembelian alatan pembelajaran, buku dan lain-lain.
2. Pelajar yang berminat untuk mendapatkan sebarang bentuk bantuan kewangan (pinjaman atau biasiswa) daripada mana-mana pihak adalah dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya memohon (sekiranya layak) bantuan kewangan (pinjaman atau biasiswa) daripada pihak berkenaan. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran mengikuti pengajian di Politeknik KPM bagi tujuan tersebut.
3. **PMBS TIDAK menjamin** sebarang bentuk bantuan kewangan (pinjaman atau biasiswa) kepada pelajar. Tawaran bantuan kewangan (pinjaman atau biasiswa) adalah di luar bidang kuasa Politeknik KPM. Walau bagaimanapun terdapat beberapa pihak yang menawarkan bantuan kewangan kepada pelajar politeknik. Antaranya ialah **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Yayasan Negeri, PERKESO, KUOK Foundation, FELDA, MARA** dan lain-lain.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




3 KAD PELAJAR

1. Kad Pelajar adalah dokumen pengenalan **RASMI** pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak dan mestilah sentiasa dipakai semasa berada di dalam kampus.
2. Kad Pelajar mestilah dipakai pada baju/jaket/blazer pada paras dada pada waktu perkuliahan/ urusan rasmi yang ditetapkan oleh institusi dan apabila masuk dan keluar daripada Politeknik supaya sentiasa boleh dilihat dengan jelas.
3. Kad Pelajar mestilah dipakai dengan mempamerkan gambar di bahagian hadapan.
4. Kad Pelajar **TIDAK** boleh diconteng, ditukar butiran/gambar atau diubahsuai.
5. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai Kad Pelajar pelajar lain.
6. Pelajar yang Kad Pelajarnya hilang/rosak/tamat tempoh perlu memohon yang baru kepada Pegawai Hal Ehwal Pelajar dengan bayaran kos gantian yang ditetapkan oleh Politeknik.
7. Setiap pelajar wajib perlu mempunyai Kad Pelajarnya pada setiap masa apabila berada di dalam kawasan Politeknik dan hendaklah mengemukakannya apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pihak yang berkuasa.
8. Pelajar dilarang menyalahgunakan Kad Pelajar.
9. Pelajar dikehendaki menunjukkan Kad Pelajar apabila diminta oleh pihak berkuasa jabatan kerajaan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

5




4 RUPA DIRI

4.1 PERATURAN AM

1. Pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih dan sopan.
2. Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang berbentuk provokatif atau menunjukkan sebarang sokongan, bangkangan atau simpati kepada mana-mana parti politik, berimej lucah serta melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak politeknik.
3. Pemakaian pelajar lelaki tidak boleh menyerupai pelajar perempuan, dan pemakaian pelajar perempuan tidak boleh menyerupai pelajar lelaki.
4. Pelajar dilarang untuk memakai seluar pendek semasa berada di premis Politeknik.
5. Pemakaian seluar jeans atau yang menyerupai seluar jeans adalah tidak dibenarkan sama sekali semasa menghadiri kuliah, berurusan secara rasmi dan semasa menghadiri sebarang aktiviti rasmi samada di luar mahupun di dalam politeknik.
6. Baju 'T' tidak berkolar **TIDAK** dibenarkan sama sekali dipakai semasa menghadiri kuliah, berurusan secara rasmi dan semasa menghadiri aktiviti rasmi di luar mahupun di dalam politeknik.
7. Peraturan pemakaian uniform/baju bengkel atau makmal/chef coat/blazer adalah tertakluk kepada jabatan masing-masing.
8. Pelajar tidak dibenarkan mewarna dan berkuku panjang.
9. Pelajar tidak dibenarkan bertatu dan melukis atau mencorakkan inai di mana-mana bahagian anggota badan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




4.2 RUPA DIRI PELAJAR LELAKI

Pakaian ke Kuliah/Bengkel/Makmal/Urusan Rasmi:

1. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
2. Baju 'T' berkolar yang tidak mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik. **(Untuk kelas Kokurikulum, sukan dan rekreasi sahaja)**
3. Baju 'T' tidak berkolar adalah **TIDAK** dibenarkan dipakai ke kuliah.
4. Baju hendaklah sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
5. Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
6. Pemakaian baju kebangsaan dibenarkan tetapi hendaklah lengkap bersampin, berkasut dan bersongkok hitam.
7. Pelajar digalakkan memakai pakaian batik pada hari Khamis.
8. Berseluar 'slack'.
9. Berkasut kulit bewarna gelap dan berstokin bewarna gelap (Kuliah/Bengkel/Makmal/Urusan Rasmi)
10. Berkasut sukan dan berstokin (Untuk kelas Kokurikulum, sukan dan rekreasi sahaja)
11. Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **TIDAK** dibenarkan.
12. Sebarang bentuk perhiasan yang berlebihan **TIDAK** dibenarkan.
13. Seluar Jeans atau seluar yang mengikut gaya Jeans **TIDAK** dibenarkan.
14. **DILARANG** berseluar ketat atau skinny (Body Fit).
15. Pelajar **DILARANG** memakai tali pinggang yang bersaiz besar dan berkepala tidak sopan.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



Pakaian ke Kuliah atau Urusan Rasmi Pelajar Lelaki



PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




4.3 RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN

Pakaian ke Kuliah/Bengkel/Makmal/Urusan Rasmi:

1. Pakaian yang menjolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan **TIDAK** dibenarkan.
2. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai 'skirt' yang lebih pendek dari paras lutut dan juga 'Skirt' ketat yang menampakkan bentuk tubuh.
3. Pakaian yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau melambangkan mana-mana parti politik adalah **TIDAK** dibenarkan.
4. Berseluar yang tidak ketat dan tidak menampakkan bentuk kaki.
5. Selipar, terompah, kasut bertumit tinggi (yang runcing) **TIDAK** dibenarkan. Kasut yang berladam logam yang berbunyi juga **TIDAK** dibenarkan.
6. **TIDAK** dibenarkan pemakaian anting-anting yang keterlaluan dan hanya dibenarkan cuping telinga sahaja.
7. Pemakaian alat solek yang keterlaluan adalah **TIDAK** dibenarkan.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



Pakaian ke Kuliah atau Urusan Rasmi Pelajar Perempuan



PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



4.4 RAMBUT DAN PERHIASAN

1. Rambut hendaklah sentiasa kemas. Rambut berfesyen atau diwarnakan **TIDAK** dibenarkan.
2. Pelajar Islam perempuan **DIWAJIBKAN MENUTUP AURAT MENURUT SYARIAT ISLAM.**
3. Pelajar **TIDAK** digalakkan memakai/membawa barangan yang berlebihan



Rambut tidak menutupi telinga




Rambut tidak menutup dahi



Rambut tidak melebihi kolar baju

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




Pakaian ke Kelas Kokurikulum, Sukan dan Rekreasi



PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

12



5 MENGHADIRI KULIAH/BENGKEL/MAKMAL


Bahagian II Tatatertib AM

Kehadiran di kuliah

4. Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, ia hendaklah menghadirinya melainkan jika ia mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan dan melainkan jika hal keadaan tidak mengizinkan ia untuk mendapatkan kebenaran itu terlebih dahulu dan ada sebab atau alasan yang munasabah kerana tidak hadir, dan dalam hal yang demikian pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh kemudiannya, memberitahu secara bertulis kepada Ketua Jabatan dengan memuaskan hatinya, sebab ia tidak hadir dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya

1. Pelajar dikehendaki menghadiri semua kuliah/bengkel/makmal atau lain-lain pengajaran berhubung dengan program pengajiannya dan mestilah:
2. Kehadirannya tidak kurang 80%.
3. Berada dalam bilik kuliah/bengkel/makmal mengikut jadual yang telah ditetapkan.
4. Mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan untuk tidak hadir.
5. Memberi alasan bertulis yang munasabah untuk mendapat kelulusan ketidakhadirannya daripada ketua jabatan.
6. Mengikuti arahan-arahan dan peraturan-peraturan di makmal/bengkel semasa menjalani latihan makmal/bengkel.
7. Berpakaian sopan atau bersesuaian mengikut etika rupa diri pelajar.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



6 KEBERSIHAN DAN KEMUDAHAN

Bahagian II Tatatertib AM


Kebersihan di dalam kampus

21. Seseorang pelajar tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam kampus atau kebersihan atau kekemasan mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, taman atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bahagian kampus lain atau kebersihan atau kekemasan mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam kampus.

Setiap pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan, kekemasan dan keceriaan kampus Politeknik. Pelajar yang didapati melanggar mana-mana peraturan ini boleh dikenakan dendaan terus tidak melebihi RM50.00 di bawah kaedah 26A, Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174) sebagai ganti tindakan tatatertib.

1. Segala kemudahan yang disediakan oleh Politeknik hendaklah digunakan dengan penuh tanggungjawab, cermat dan selamat tanpa sebarang pembaziran kuasa elektrik, bekalan air dan bahan-bahan yang digunakan.
2. Pelajar hendaklah menjaga dan memelihara semua kemudahan yang terdapat di Politeknik supaya kepentingan pelajar lain juga turut terjaga.
3. Pelajar dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua suis lampu/kipas/alat penghawa dingin/komputer/mesin ditutup (switch off) sebelum meninggalkan bilik kuliah/bengkel/makmal/dewan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



7 HARTA BENDA

Bahagian II Tatatertib AM


Larangan am

3.(g) merosakkan dengan apa-apa cara atau menyebabkan dirosakkan dengan apa-apa cara apa-apa harta Institusi, atau melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kerosakan itu;

(h) mengusik, mengganggu, mengalih atau dengan apa-apa cara melakukan sesuatu ke atas apa-apa jua benda, objek, barang atau harta, atau dengan diketahuinya melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan dilakukan di dalam kampus dengan tujuan untuk menyebabkan atau mungkin menyebabkan apa-apa halangan, kesusahan, kekusaran, kerugian atau kerosakan kepada seseorang;


65. (1) Jika sesuatu hukuman dikenakan ke atas seseorang pelajar di bawah kaedah 57, pihak berkuasa tatatertib boleh, sebagai tambahan, memerintahkan pelajar itu membayar apa-apa pampasan sebanyak yang ditetapkan olehnya berkenaan dengan apa-apa kerosakan kepada mana-mana harta atau berkenaan dengan apa-apa kerugian atau bencana kepada mana-mana orang atas mana pelajar itu mungkin didapati bertanggungjawab oleh pihak berkuasa tatatertib dalam prosiding tatatertib itu; seseorang pelajar boleh diperintahkan membayar pampasan di bawah perenggan ini tidak kira sama ada harta yang rosak itu kepunyaan Institusi atau kepunyaan mana-mana orang lain.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



1. Perbuatan merosakkan harta benda Politeknik seperti perabot, peralatan dalam bilik kuliah/makmal/bengkel, kenderaan rasmi Politeknik atau menconteng dinding/notis rasmi/pekeliling rasmi atau merosakkan tanaman di dalam kampus adalah menjadi satu kesalahan tatatertib.
2. Pelajar hendaklah menjaga dan memelihara semua kemudahan yang terdapat di Politeknik termasuklah tidak merosakkan, tidak mengotorkan, tidak mengalihkan tanpa izin, tidak merubah rupa bentuknya dan tidak disalah guna supaya tidak menyebabkan apa-apa halangan, kesusahan, kegusaran, kerugian atau kerosakan kepada pelajar lain amnya dan Politeknik khususnya.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




8

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERSATUAN/ BADAN/ PERTUBUHAN/ KUMPULAN DAN PARTI POLITIK

1. Pelajar **BOLEH** menjadi ahli dalam mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, samada di dalam mahupun di luar Malaysia, termasuk terlibat dalam mana-mana parti politik.
2. Pelajar **TIDAK BOLEH** menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi undang-undang, samada di dalam mahupun di luar Malaysia.
3. Pelajar **TIDAK BOLEH** menjadi ahli mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang, yang bukannya suatu parti politik, yang Menteri, selepas berunding dengan Ketua Eksekutif, menetapkan dan menyatakan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Politeknik.
4. Pelajar **TIDAK BOLEH** terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.
5. Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengeluarkan kenyataan atau berbuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bantahan terhadap mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan yang menyalahi undang-undang samada di dalam mahupun di luar Malaysia.
6. Semua aktiviti pelajar yang hendak dijalankan di dalam dan di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah.
7. Penerbitan dan pengedaran sebarang dokumen atau risalah di dalam ataupun di luar kampus hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




9

BAHAN-BAHAN LUCAH, DADAH, RACUN, MABUK DAN BERJUDI

1. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa bahan lucah, dadah, racun atau minuman keras.
2. Pelajar **TIDAK** dibenarkan melihat atau mendengar secara sengaja apa-apa bahan lucah samada di dalam mahupun di luar kampus.
3. Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengedar, membahagi atau mempamerkan apa-apa bahan lucah untuk tujuan mendapat/tanpa bayaran atau apa-apa balasan lain.
4. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa perkakas, alat, radas atau barang yang pada pendapat pihak berkuasa tatatertib adalah reka bentuk atau dimaksudkan untuk digunakan bagi memakan atau meminum atau menghisap atau menyedut atau memasukkan ke dalam badannya dengan jalan cucuk atau dengan apa-apa jua cara lain apa-apa dadah atau racun.
5. Pelajar **TIDAK** dibenarkan meminum minuman yang memabukkan atau didapati dalam keadaan mabuk samada di dalam mahupun di luar kampus.
6. Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengurus, menganjur, atau menjalankan, atau menyertai apa-apa aktiviti perjudian, pertaruhan atau loteri di dalam atau di luar kampus.
7. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memiliki atau ada di bawah jagaan atau kawalannya bahan yang boleh dikaitkan dengan judi seperti kad daun terup, perjudian atas talian atau apa-apa bahan yang berkaitan dengannya.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



10 MEMASUKI PUSAT HIBURAN DAN MENGGANGGU KETENTERAMAN


1. Pelajar **TIDAK** dibenarkan sama sekali untuk memasuki pusat hiburan seperti pub, kelab malam, pusat judi, pusat snuker dan apa-apa jenis pusat hiburan yang berada di sekitar kawasan Politeknik METrO Betong Sarawak dan juga Bahagian Betong.
2. Pelajar **TIDAK** dibenarkan membuat bising, ketawa dengan kuat, bertempik, melaung-laung atau bercakap secara kurang sopan samada di bilik kuliah / dewan kuliah / bengkel / makmal / perpustakaan / pejabat pentadbiran atau di kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya.
3. Pelajar **TIDAK** dibenar menimbulkan suasana kacau-bilau, huru-hara atau menghasut pelajar-pelajar lain menentang pihak berkuasa Politeknik.
4. Pelajar **TIDAK** dibenarkan mengganggu ketenteraman awam samada secara fizikal mahupun bukan fizikal yang menyebabkan orang lain merasa terganggu dengan perbuatannya.
5. Pelajar boleh menyuarakan segala rasa tidak puas hati melalui saluran tertentu seperti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau peti cadangan.
6. Pelajar **DILARANG** sama sekali mengeluarkan kenyataan yang boleh menyebabkan kekecohan atau huru-hara samada secara lisan atau bertulis atau melalui media sosial yang boleh mengganggu ketenteraman di dalam atau di luar kampus.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



11 PENCERAMAH LUAR

1. Pelajar mestilah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah sebelum menjemput pihak luar untuk memberi ceramah/perbincangan kepada pelajar di dalam mahupun di luar Politeknik. Kebenaran ini tertakluk kepada had dan syarat yang ditetapkan.


**12**

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN/PEMBUANGAN PELAJAR DARI POLITEKNIK

1. Mencemar nama baik Politeknik, kakitangan atau pelajarnya samada di dalam atau di luar kampus Politeknik dengan kelakuan, kata-kata atau tulisan menerusi apa jua bentuk media cetak mahupun elektronik.
2. Mengganggu atau menghalang aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Politeknik.
3. Merosak, mencacat (vandalisme) harta benda milik Politeknik, kerajaan, awam atau orang perseorangan.
4. Mengganggu atau menghalang kakitangan atau pelajar Politeknik daripada menjalankan tugasnya yang sah.
5. Membuat, mengguna, mempamer, menampal dan memiliki panji-panji, poster, lambang dan lain-lain untuk tujuan menghasut pelajar lain melanggar tata tertib di dalam atau di luar kampus.
6. Menerbit atau mengedar dokumen-dokumen di dalam atau di luar kampus dengan tujuan untuk menghasut atau memburuk-burukkan Politeknik atau pihak lain.
7. Menjalankan perniagaan/perkhidmatan, kedai atau gerai di dalam kampus tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Politeknik.
8. Membuat kenyataan dalam bentuk lisan atau bertulis kepada pihak luar mengenai Politeknik, kakitangan atau pelajarnya.
9. Membuat bantahan secara lisan atau bertulis mengenai sebarang keputusan pihak Politeknik tanpa melalui saluran yang ditetapkan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

21




12

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN/PEMBUANGAN PELAJAR DARI POLITEKNIK

1. Terlibat dengan perjudian, pertaruhan atau loteri.
2. Meminum, mengedar, menyimpan, menyorok atau membuat minuman keras/bahan kimia yang memabukkan/mengkhayalkan.
3. Berkeadaan mabuk kerana minuman atau sesuatu bahan yang diambil untuk memabukkan atau mengkhayalkan.
4. Menonton, memiliki, mendengar, menampal, mengedar, menyorok atau terlibat dengan pertunjukan bahan-bahan lucah.
5. Memberi atau menyebarkan maklumat palsu.
6. Mengingkari arahan sah pihak berkuasa tatatertib, pensyarah, pegawai atau kakitangan Politeknik yang diberi kuasa.
7. Memalsukan tanda tangan atau cop rasmi pihak berkuasa Politeknik atau pihak lain yang terlibat dengan Politeknik.
8. Melakukan ugutan atau `ragging' pada bila-bila masa samada di dalam atau di luar kampus.
9. Berkelakuan biadab dan angkuh terhadap mana-mana kakitangan atau pelajar Politeknik atau pihak lain dengan kelakuan, lisan atau tulisan.
10. Bergaduh, terlibat atau bersubahat dengan pergaduhan sama ada di dalam atau di luar kampus.
11. Berkelakuan sumbang atau tidak sopan seperti bercumbu-cumbuan atau berkhawat dan membuat sebarang perilaku atau isyarat lucah samada di dalam atau di luar kampus.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

22




12

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PENGGANTUNGAN/PEMBUANGAN PELAJAR DARI POLITEKNIK

1. Melibatkan diri dengan kegiatan pelacuran atau aktiviti seks rambang yang dilarang.
2. Melakukan penyambungan elektrik atau talian telefon secara haram di mana-mana kawasan kampus.
3. Melibatkan diri dengan kegiatan mencuri, merompak, menyamun, memeras ugut dan menculik.
4. Memiliki, menyorok, menyimpan, mengedar, menjual dan mempamer senjata berbahaya seperti senjata api, senjata tajam, buku lima, kerambit, bahan letupan dan lain-lain.
5. Dituduh oleh mahkamah terbabit atau disyaki melakukan kesalahan jenayah sivil atau jenayah syariah.
6. Terlibat dengan najis dadah seperti mengambil, mengedar, menyorok, menyimpan atau menjual dadah.
7. Terlibat dengan pemboikotan/pemulauan aktiviti sah Politeknik.
8. Terlibat dengan demonstrasi yang tidak dibenarkan di luar atau di dalam kampus Politeknik.
9. Menimbul/menghasut isu perkauman, integrasi nasional untuk tujuan mewujudkan suasana tegang, perpecahan atau permusuhan.
10. Memungut atau cuba memungut wang dengan cara persendirian, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar.
11. Menganggotai atau memberi sokongan kepada kumpulan, badan atau pertubuhan yang diharamkan oleh Politeknik atau kerajaan.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



13 LARANGAN MEROKOK / ROKOK ELEKTRONIK / VAPE

1. Pelajar **DILARANG** merokok / Vape / Rokok elektronik atau memilikinya di mana-mana kawasan kampus Politeknik.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



14 HAL-HAL LAIN

1. Pelajar **TIDAK** boleh terlibat dalam apa-apa pekerjaan, perniagaan, perdagangan atau aktiviti lain, samada sepenuh atau separuh masa, yang pada pendapat Pengarah adalah tidak diingini.
2. Dilarang berdua-duaan berlainan jantina di dalam dan di sekitar kawasan kampus Politeknik.
3. Pelajar Politeknik dikehendaki sentiasa menjaga nama baik dan imej Politeknik samada di dalam atau di luar kampus.
4. Pelajar digalakkan mengguna peti cadangan yang disediakan untuk memberi cadangan.
5. Pelajar **TIDAK** dibenarkan membawa pulang individu berlainan jantina ke tempat kediaman sama ada untuk jangka waktu yang singkat mahupun untuk bermalam.
6. Pelajar juga tertakluk kepada Peraturan dan Undang-Undang Khas Peperiksaan, bengkel, workshop, makmal, perpustakaan, Kolej Kediaman Pelajar dan lain-lain yang telah dan akan dikeluarkan oleh Politeknik dari semasa ke semasa.
7. Pengarah atau wakil kuasanya boleh dari semasa ke semasa membatalkan atau menambah mana-mana bahagian atau keseluruhan peraturan ini.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.1 PENEMPATAN PELAJAR DI KEDIAMAN SEWAAN


1. Terdapat kemudahan bilik sewa yang tersedia di sekitar Kawasan Politeknik METrO Betong Sarawak. Pelajar yang ingin menyewa bilik yang disediakan perlu mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh pemilik bilik sewa berkenaan.
2. Penyewa hendaklah menyemak semua peralatan dan perabot di dalam bilik sewa berada dalam keadaan baik sebelum bersetuju dengan kadar sewaan yang ditetapkan.

15.2 BAYARAN

1. Bayaran sewaan bilik setiap bulan hendaklah dibayar sepenuhnya pada tarikh yang telah ditetapkan kepada oleh pemilik kediaman sewaan.
2. Harta benda bilik sewa yang dirosakkan atau dihilangkan oleh penyewa/sekumpulan penyewa hendaklah diganti oleh penyewa/sekumpulan penyewa berkenaan.
3. Kadar bayaran gantirugi dan sebagainya adalah tertakluk kepada penetapan pemilik kediaman sewaan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

26




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.3 TATATERTIB AM KEDIAMAN PELAJAR

1. Penyewa hendaklah berkelakuan baik serta berhemah tinggi dan hendaklah sentiasa memelihara suasana harmoni di kediaman masing-masing.
2. Pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib boleh digantung atau disingkirkan daripada kediaman.
3. Hanya penyewa yang berdaftar sahaja dibenarkan tinggal di bilik sewa. Penyewa tidak dibenarkan memberi tumpangan penginapan kepada mana-mana pelajar lain, tetamu atau pelawat di mana-mana bilik pada bila-bila masa.
4. Semua peralatan yang terdapat di bilik **TIDAK** boleh diubah kedudukannya atau diubah suai tanpa kebenaran daripada pemilik kediaman.
5. Kebersihan bilik adalah tanggungjawab penghuninya.
6. Keselamatan harta benda penyewa adalah tanggungjawab sendiri. Bilik hendaklah sentiasa dikunci bagi tujuan keselamatan.
7. Bertukar bilik tanpa kebenaran adalah **TIDAK** dibenarkan.
8. Semua penyewa bertanggungjawab ke atas bilik, aras dan blok mereka secara berkumpulan.
9. Penyewa **TIDAK** dibenarkan membawa sebarang jenis senjata ke dalam kediaman. Walau bagaimanapun, pelajar yang memiliki peralatan tajam untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran **PERLU** memaklumkan kepada pihak pengurusan bilik sewa terlebih dahulu.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.3 TATATERTIB AM KEDIAMAN PELAJAR

1. Sebarang bentuk 'ragging' adalah **TIDAK** dibenarkan.
2. Pelajar lelaki **DILARANG** memasuki kawasan kediaman perempuan dan juga sebaliknya.
3. Pelajar lelaki dan pelajar perempuan **TIDAK** dibenarkan tinggal sebilik/serumah.
4. Pelajar lelaki **DILARANG** memasuki bilik/rumah pelajar perempuan dan begitu juga sebaliknya.
5. Pelajar **DILARANG** melakukan salah laku moral/tatasusila (Jenayah Syariah/Sivil) seperti sumbang mahram, terlibat dalam aktiviti pelacuran, melakukan hubungan jenis dengan orang yang sama jantina dengannya, bertindak sebagai muncikari/subahat, lelaki berlagak seperti perempuan atau sebaliknya di mana-mana tempat awam untuk tujuan tidak bermoral, dengan sengaja bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syara' di mana-mana tempat awam, melakukan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii dan sebagainya.
6. Pelajar lelaki dan perempuan **TIDAK DIBENARKAN** berdua-duan dalam keadaan yang kurang sopan dan mencurigakan samada di dalam atau di luar kediaman pelajar.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

28




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.3 TATATERTIB AM KEDIAMAN PELAJAR

1. Seorang penyewa **TIDAK** boleh melakukan sesuatu untuk menghalang atau menahan seseorang pegawai, pekerja, wakil Politeknik atau pemilik kediaman sewaan daripada memasuki bilik penghuni menetap itu untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipannya.
2. Selepas jam 11.00 malam, hanya penyewa berdaftar sahaja yang dibenarkan berada dalam kawasan kediaman.
3. Penggunaan peralatan elektrik di dalam bilik penginapan perlulah mendapatkan kebenaran pemilik kediaman sewaan terlebih dahulu. Penggunaan radio, cakera padat dan pemain kaset adalah dibenarkan dengan syarat tidak mengganggu ketenteraman penghuni lain. Penggunaan fon telinga adalah digalakkan.
4. Penyewa perlu meminta kebenaran pemilik kediaman sewaan untuk membawa peralatan muzik seperti gitar, drum dan sebagainya.
5. Pemilik kediaman sewaan boleh, dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah atau arahan yang difikirkan perlu dan sesuai untuk memelihara ketenteraman atau tatatertib di Kediaman Pelajar.
6. Sebarang bentuk penyambungan/pendawaian elektrik (wiring) di dalam kawasan kediaman pelajar adalah **DILARANG** sama sekali. Mana-mana penyewa yang melakukan penyambungan/pendawaian elektrik adalah dianggap merosakkan harta benda atau bangunan bilik sewa dan pihak Politeknik berhak menuntut ganti rugi.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.4 PERATURAN BERPAKAIAN DI KEDIAMAN

1. Pakaian **TIDAK** boleh disangkut pada tingkap atau tempat-tempat lain melainkan pada ampaian yang disediakan.
2. Pakaian hendaklah disimpan dalam almari masing-masing.
3. Penyewa adalah dinasihatkan supaya berpakaian kemas dan tidak menjolok mata pada setiap masa di kawasan kediaman.
4. Memakai pakaian yang dianggap kurang sopan seperti seluar pendek, baju yang tidak berlengan atau pakaian yang bertulis kata-kata yang hina, logo parti politik atau mempunyai gambar atau lukisan yang tidak bersesuaian dengan budaya ketimuran adalah **TIDAK** dibenarkan.
5. Penampilan pelajar hendaklah sentiasa kemas. Rambut yang mengerbang, berwarna atau rambut yang beraneka fesyen adalah **TIDAK** dibenarkan.
6. Pelajar perempuan **TIDAK** digalakkan memakai barangan kemas yang berlebihan.
7. Pelajar lelaki **DILARANG** memakai sebarang perhiasan diri.
8. Pelajar Islam **DIGALAKKAN** menutup aurat sepanjang berada di kediaman dan di kawasan persekitarannya.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.5 LARANGAN MEMELIHARA BINATANG DI KEDIAMAN

1. Penyewa **DILARANG** memelihara atau menternak apa-apa jenis binatang di dalam bilik atau di kawasan kediaman.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.6 KESELAMATAN HARTA BENDA

1. Untuk mengelakkan kecurian, penyewa hendaklah memastikan biliknya sentiasa dikunci.
2. Penyewa **TIDAK** digalakkan menyimpan wang yang berlebihan dan peralatan berharga di dalam bilik.
3. Keselamatan harta benda penyewa adalah atas tanggungan sendiri.
4. Kes kecurian hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pemilik kediaman sewaan atau pihak Politeknik.
5. Penyewa adalah bertanggungjawab memelihara harta-benda yang disediakan. Bayaran denda atau ganti rugi akan dikenakan jika berlaku kerosakan, pencemaran, kekotoran ataupun kehilangan mengikut kadar yang ditetapkan oleh pemilik kediaman sewaan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.7 KESELAMATAN, KEBAKARAN DAN BANTUAN KECEMASAN

1. Penyewa yang nampak punca api hendaklah bertindak dengan bijaksana untuk memadamkannya atau berhubung terus dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Penyewa hendaklah keluar dari bilik dengan pantas dan berkumpul di satu tempat yang selamat.
2. Perkara-perkara yang menjadi punca kebakaran seperti penggunaan ubat nyamuk, pelita, lilin atau sebarang perbuatan yang boleh mengakibatkan kebakaran berlaku adalah TIDAK dibenarkan.
3. Sekiranya berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan segera, sila beritahu pihak Politeknik dengan segera.
4. Jika penyewa mengalami sakit yang serius, rakan sebilik atau searasnya bertanggungjawab melaporkannya kepada pihak politeknik dengan segera.
5. Pelajar yang menerima, mengetahui atau mengesyaki apa-apa jenis ancaman atau ugutan hendaklah melaporkan dengan segera kepada pihak politeknik.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS




15 PERATURAN KEDIAMAN PELAJAR

15.8 AKTIVITI SOSIAL, PERHIMPUNAN, TAKLIMAT, KULIAH DAN CERAMAH

1. Penyewa kediaman yang berkenaan adalah dikehendaki menghadiri, mengikuti serta mengambil bahagian di dalam apa-apa perjumpaan, perhimpunan, ceramah, taklimat dan lain-lain aktiviti yang dianjurkan oleh pihak berkuasa Politeknik.
2. Penyewa kediaman yang beragama Islam **HARUSLAH** menghadiri aktiviti keagamaan yang dianjurkan Politeknik.
3. Sebarang bentuk aktiviti sosial di Kediaman dan persekitarannya adalah **TIDAK** dibenarkan kecuali mendapat kebenaran bertulis pihak Politeknik.
4. Sebarang bentuk perhimpunan yang melebihi **lima (5)** orang di Kediaman atau persekitarannya tanpa kebenaran pihak politeknik adalah **TIDAK** dibenarkan.
5. Sebarang bentuk ceramah atau apa jua kegiatan yang melibatkan orang luar dari Kediaman mestilah mendapat kebenaran Pihak Politeknik.
6. Sebarang perlakuan pelajar Politeknik yang boleh mencemarkan nama baik Politeknik adalah **DILARANG**.
7. Penghuni Kediaman **TIDAK** dibenarkan bergiat, berkecimpung, melibatkan diri dengan aktiviti politik di dalam kawasan kampus termasuk di Kediaman pelajar.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



16 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

1. **DILARANG** bercakap kuat serta membuat bising sehingga boleh mengganggu pelajar-pelajar lain.
2. **DILARANG** makan, minum, tidur atau membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana pembelajaran di perpustakaan.
3. **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana buku, majalah atau apa-apa bahan cetak kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
4. **DILARANG** menconteng, mengoyak, merosak atau memusnahkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan pada bahan tersebut.
5. Pelajar memastikan telefon mudah alih berada dalam mod senyap pada setiap masa.
6. Pelajar mestilah mematuhi semua peraturan mengenai bilangan buku yang boleh dipinjam dan bertanggungjawab ke atas pemulangan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
7. Pelajar **BERTANGGUNGJAWAB** ke atas bahan-bahan yang dipinjam. Bagi bahan-bahan yang dihilangkan, pelajar akan dikenakan bayaran mengikut kadar semasa bahan-bahan tersebut atau menggantikan buku dengan judul yang sama.
8. Sekiranya gagal berbuat demikian, keputusan peperiksaan / sijil / transkrip akan ditahan.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



16 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

1. **DILARANG** membawa masuk beg ke dalam perpustakaan. Beg hendaklah diletakkan ditempat yang telah disediakan.
2. Pelajar hendaklah menunjukkan semua barang termasuk beg tangan, folder dan sebagainya kepada petugas perpustakaan untuk diperiksa sebelum keluar dari perpustakaan sekiranya diminta.
3. Pelajar hendaklah berpakaian mengikut Peraturan Rupa Diri Pelajar sekiranya berurusan di perpustakaan.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



16 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

1. Pelajar layak meminjam buku daripada koleksi pinjaman dan koleksi pinjaman terhad.
2. Kaedah peminjaman adalah dengan menyerahkan kad pelajar dan buku ke kaunter pinjaman.
3. Bilangan buku dan tempoh pinjaman:
4. Pelajar boleh menempah buku-buku yang dipinjam oleh pelajar lain dengan menempah melalui Sistem OPAC (Online Public Access Catalog) atau lain-lain kaedah tempahan yang digunakan oleh institusi.
5. Walau bagaimanapun, bagi Koleksi Pinjaman dan koleksi Terhad kawalan peminjaman adalah bergantung kepada pihak pengurusan perpustakaan institusi.


PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



16 ARAHAN AM PERPUSTAKAAN

1. Pihak perpustakaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan barang-barang persendirian yang diletak atau tertinggal di dalam / luar perpustakaan.
2. Petugas perpustakaan berhak mengarah sesiapa sahaja yang melanggar sebarang peraturan perpustakaan atau peraturan institusi untuk keluar dari perpustakaan.
3. Pihak perpustakaan berhak meminta pelajar memulangkan bahanbahan pinjaman walaupun belum tamat tempoh pinjamannya.
4. Penggunaan ruang perpustakaan untuk tujuan lain perlu mendapat kelulusan pihak perpustakaan.
5. Pertanyaan berkaitan dengan perpustakaan boleh dikemukakan kepada Pegawai Perpustakaan.
6. Kelewatan pemulangan buku yang dipinjam akan dikenakan Tindakan mengikut hukuman tatatertib terus.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



17 AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174)




UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI
—

Akta 174

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

Sebagaimana pada 1 Jun 2019



17 AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174)

LARANGAN KEPADA PELAJAR MENURUT AKTA 174, AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976

CARIAN PANTAS

KAEDAH 3 – LARANGAN AM

Seseorang pelajar TIDAK boleh:

- a. Berkelakuan, sama ada di dalam atau di luar kampus, yang boleh mencemarkan nama baik institusi, pegawai, kakitangan, pelajar atau pekerja institusi;
- b. Melanggar peruntukkan mana-mana undang-undang bertulis di dalam atau di luar kampus;
- c. Mengganggu perjalanan kuliah, aktiviti atau program yang dianjurkan oleh institusi sehingga kuliah, aktiviti atau program tergendala;
- d. Menghalang pelaksanaan tugas mana-mana kakitangan institusi dengan apa cara sekalipun;
- e. Menghalang mana-mana pelajar institusi daripada menghadiri kuliah, tutorial atau sebarang program atau aktiviti yang sah;
- f. Memboikot/memulaukan mana-mana peperiksaan, kuliah, tutorial dan semua program anjuran institusi;
- g. Merosakkan harta benda institusi (vandalisme) dengan apa cara sekalipun;
- h. Mengalihkan sesuatu objek atau harta dengan tujuan menghalang atau menimbulkan kesusahan dan mudarat kepada mana-mana pihak;
- i. Melanggar peraturan atau arahan mana-mana pegawai perpustakaan mengenai penggunaan dan kemudahan perpustakaan, buku dan lain-lain di dalamnya;
- j. Membawa masuk atau membawa keluar apa-apa dokumen bercetak yang tidak dibenarkan ke dalam bilik peperiksaan semasa peperiksaan dijalankan; dan
- k. Berhubung dengan mana-mana pelajar semasa peperiksaan dijalankan dengan apa-apa cara sekalipun.

KAEDAH 4 – KEHADIRAN KULIAH

Setiap pelajar wajib menghadiri kuliah kecuali mendapat kebenaran untuk tidak menghadirinya atau jika keadaannya tidak mengizinkan.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

40

17

AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174)

KAEDAH 5 – LATIHAN AMALI

Setiap pelajar dikehendaki menghadiri latihan amali atau pengajaran lain kecuali mendapat kebenaran secara bertulis daripada Ketua Jabatan Akademik untuk tidak menghadirinya atau jika keadaannya tidak mengizinkan.

KAEDAH 6 – PEMAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI

Seseorang pelajar hendaklah berpakaian secara sopan atau bersesuaian ketika menghadiri kuliah, tutorial, peperiksaan, kelas, bengkel atau ketika melibatkan diri atau menghadiri apa-apa aktiviti samada di dalam atau di luar kampus.

KAEDAH 7 – PEPERIKSAAN

Setiap pelajar wajib menduduki peperiksaan kecuali mendapat kebenaran Pengarah untuk tidak mendudukinya atau jika keadaannya tidak mengizinkan.

KAEDAH 8 – SEKATAN MENGENAI TEKS KULIAH

Seorang pelajar tidak boleh menerbit atau mengedar teks kuliah sama ada untuk mendapatkan bayaran atau sebaliknya.

KAEDAH 8A – LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

Sesorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

KAEDAH 9 – MENGANJUR PERHIMPUNAN

Pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar tidak dibenarkan menjalankan perhimpunan kecuali mendapat kebenaran Pengarah atau Wakil Kuasanya.

KAEDAH 10 – PENGUNAAN PEMBESAR SUARA

Pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar tidak boleh memiliki atau menggunakan pembesar suara, kecuali mendapat kebenaran Pengarah atau Wakil Kuasanya.

KAEDAH 11 – MEMBUAT, MENGGUNA, MENUNJUKKAN, MEMPUNYAI PANJI ATAU PELEKAT

Pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar tidak boleh membuat, memiliki atau mengibarkan panji-panji, poster, bendera, pelek, lambang yang boleh menimbulkan kekacauan, keenggaran dan pelanggaran Akta 174.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

41

17

AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174)

KAEDAH 12 – MENERBITKAN DOKUMEN

Pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar tidak boleh menerbitkan atau mengedarkan sebarang dokumen di dalam atau di luar kampus kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah atau Wakil Kuasanya.

KAEDAH 13 – AKTIVITI PELAJAR DI LUAR KAMPUS

Pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar tidak boleh menjalankan, mengorganisasi atau menyertai aktiviti di luar kampus kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah atau Wakil Kuasanya.

KAEDAH 14 – PELAJAR BERTUGAS DALAM PEKERJAAN

Pelajar **DILARANG** bekerja, berniaga atau aktiviti lain jika pada pendapat Pengarah atau Wakil Kuasanya adalah tidak wajar.

KAEDAH 15 – KENYATAAN BERHUBUNG DENGAN INSTITUSI

Pelajar **DILARANG** memberi kenyataan kepada akhbar, penjawat awam atau kepada orang ramai mengenai hal ehwal institusi.

KAEDAH 16 – BANTAHAN PELAJAR TERHADAP KEMASUKAN DAN PENYINGKIRAN INDIVIDU

Pelajar **DILARANG** bekerja, berniaga atau aktiviti lain jika pada pendapat Pengarah atau Wakil Kuasanya adalah tidak wajar.

KAEDAH 17 – JUDI DALAM KAMPUS

Pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar **DILARANG** berjudi di dalam kampus.


KAEDAH 18 – MINUMAN KERAS DAN MABUK

Pelajar, pertubuhan atau kumpulan pelajar **DILARANG** meminum, memiliki minuman keras atau berada dalam keadaan mabuk di dalam kampus.

KAEDAH 19 – BAHAN LUCAH

Pelajar **DILARANG** memiliki, melihat, mendengar atau mengedar apa-apa bahan lucah dalam kampus.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS



17

AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174)

KAEDAH 20 – DADAH DAN RACUN

Pelajar **DILARANG** memiliki, mengedar atau menggunakan sebarang jenis dadah atau racun serta alat perkakasnya.

KAEDAH 21 – KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS

Pelajar mesti sentiasa menjaga kebersihan dalam kampus.

KAEDAH 22 – MEMBUAT BUNYI BISING YANG MENGGANGGU

Pelajar **DILARANG** membuat bising yang mengganggu orang lain.

KAEDAH 23 – TEMPAT TINGGAL ATAU TEMPAT TIDUR DI KAMPUS

Pelajar **DILARANG** menggunakan sekitar kawasan kampus sebagai tempat tidur kecuali di kolej kediaman.

KAEDAH 24 – MEMASUKI BAHAGIAN KAMPUS ATAU BANGUNAN

Pelajar **DILARANG** memasuki kawasan larangan yang telah ditetapkan.

KAEDAH 25 – KAD PELAJAR

Pelajar mestilah sentiasa memakai kad pelajar setiap masa apabila berada di dalam kampus.

KAEDAH 26 – KEINGKARAN

Pelajar yang ingkar arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai institusi adalah menjadi satu kesalahan tatatertib.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

18 NOTIS DENDA TERUS

NOTIS DENDA TERUS KEPADA PELAJAR MENURUT AKTA 174


KAEDAH 26A – HUKUMAN TATATERTIB TERUS OLEH PIHAK BERKUASA TATATERTIB (KESALAHAN RUPA DIRI)

Pihak berkuasa tatatertib boleh mengenakan hukuman tatatertib terus dengan AMARAN atau DENDA TIDAK MELEBIHI LIMA PULUH RINGGIT (RM 50.00) ke atas mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan tatatertib mengikut kaedah berikut:

BIL	KAEDAH	KETERANGAN
1.	KAEDAH 6 PEMAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI	Seseorang pelajar hendaklah berpakaian secara sopan atau bersesuaian ketika menghadiri kuliah, tutorial, peperiksaan, kelas, bengkel atau ketika melibatkan diri atau menghadiri apa-apa aktiviti samada di dalam atau di luar kampus.
2.	KAEDAH 21 KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS	Pelajar mesti sentiasa menjaga kebersihan dalam kampus.
3.	KAEDAH 22 MEMBUAT BUNYI BISING YANG MENGANGGU	Pelajar DILARANG membuat bising yang mengganggu orang lain
4.	KAEDAH 23 TEMPAT TINGGAL ATAU TEMPAT TIDUR DI KAMPUS	Pelajar DILARANG menggunakan sekitar kawasan kampus sebagai tempat tidur kecuali di kolej kediaman.
5.	KAEDAH 25 KAD PELAJAR	Pelajar mestilah sentiasa memakai kad pelajar setiap masa apabila berada di dalam kampus.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

18 NOTIS DENDA TERUS



19 PERBICARAAN KEPADA PELAJAR

HUKUMAN TATATERTIB (PERBICARAAN) KEPADA PELAJAR MENURUT AKTA 174

KAEDAH 48 - HUKUMAN TATATERTIB (PERBICARAAN)

Seseorang pelajar yang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib boleh dikenakan mana-mana satu daripada hukuman yang berikut atau mana-mana dua atau lebih hukuman itu disatukan sekali:

- i. Amaran;
- ii. Denda tidak lebih daripada LIMA RATUS RINGGIT (RM 500.00);
- iii. Penggantungan daripada menggunakan apa-apa atau kesemua kemudahan-kemudahan Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- iv. Penggantungan daripada mengikuti kursus pengajian di Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- v. Penghalangan daripada menduduki sebahagian atau keseluruhan peperiksaan Institusi;
- vi. Penyingkiran daripada mana-mana bahagian Institusi selama tempoh yang ditentukan;
- vii. Pembuangan daripada Institusi oleh pihak berkuasa tatatertib".

KAEDAH 49 – HADIR DI HADAPAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB

Seseorang pelajar yang didapati melakukan kesalahan tatatertib dikehendaki hadir untuk perbicaraan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan secara bertulis oleh pihak Jawatankuasa Tatatertib.

KAEDAH 50 – AKIBAT KETIDAKHADIRAN DI HADAPAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB

Seseorang pelajar yang tidak hadir dihadapan pihak berkuasa tatatertib akan digantung daripada menjadi pelajar institusi sehingga pelajar itu bersetuju untuk hadir di hadapan pihak Jawatankuasa Tatatertib.

KAEDAH 65 - PERINTAH BAYARAN PAMPASAN

Pelajar hendaklah membayar bayaran pampasan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib kepada institusi atau orang lain berdasarkan tempoh yang telah ditentukan kepada Unit Kewangan institusi.


KAEDAH 67 - RAYUAN

Pelajar boleh membuat rayuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan bertulis dikeluarkan oleh pihak berkuasa tatatertib melalui Pengarah kepada Menteri.

PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS


46

19 PERBICARAAN KEPADA PELAJAR



PANDUAN DAN PERATURAN AM PMBS

47



20 RUJUKAN

- BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (EDISI PERTAMA)
- AKTA INSTITUSI – INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) 1976 (AKTA 174) SEBAGAIMANA PADA 1 JUN 2019
- JADUAL KEDUA (AKTA 174) : KAEDAH - KAEDAH INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB PELAJAR - PELAJAR) 1976
- BAHAGIAN II, TATATERTIB AM KAEDAH 3 - 26 (A)
- BAHAGIAN III, TATATERTIB ASRAMA KAEDAH 27 - 34
- BAHAGIAN V, TATACARA TATATERTIB KAEDAH 48 - 66
- ARAHAN - ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN (APKP)

SIDANG EDITORIAL BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

PENAUNG

Ts. SHIRLEY ANAK PHILLIP
PENGARAH POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

EMIRUDZIAWATI BINTI JUNI
TIMBALAN PENGARAH POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

PENGERUSI

WINNE ANAK CHENGAI (PPPT DH48)

KETUA EDITOR

ARIFF SHAFIQ BIN HAMIDI (PPPT DH4I)

EDITOR

AHMAD NAZRIN BIN AB AZIZ (PPPT DH4I)

PENULIS

ARIFF SHAFIQ BIN HAMIDI (PPPT DH4I)
AHMAD NAZRIN BIN AHMAD (PPPT DH4I)
JESSICA BINTI JAWA (PPPT DH4I)
ABANG ABDUL MUIZZ BIN ABDUL RAHMAN (PPPT DH4I)


PENGHARGAAN

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi pandangan, cadangan, maklum balas serta kerjasama dari masa ke semasa untuk menambah baik dan memantapkan lagi Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar PMBS sehingga buku Edisi 2024 ini berjaya diterbitkan.

e ISBN 978-967-2753-16-2



9 789672 753162



**1-12, Phase 2, Bandar Baru Jalan Baru,
95700 Betong, Sarawak**

**TEL : 083-472 676
FAX : 082-472 991**